

21/09/2002

Laluan udara, laut ke Tioman dipulihkan

KUANTAN, Jumaat - Kerajaan negeri akan memulihkan beberapa laluan udara dan laut ke Pulau Tioman yang dibatalkan sejak sekian lama sesuai dengan peningkatan tarafnya sebagai pulau bebas cukai mulai 1 September lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita Pahang, Datuk Maznah Mazlan, berkata antara yang akan beroperasi ialah penerbangan dari Kuantan ke Pulau Tioman.

Selain itu, katanya, kerajaan juga merancang mewujudkan laluan udara baru dari Taman Negara di Jerantut ke Pulau Tioman dan perkhidmatan feri dari Kuantan ke Pulau Tioman.

Beliau berkata, meskipun pulau Tioman kini dihubungi melalui jalan laut dan udara, tetapi ia belum mencapai tahap yang diperlukan sesuai dengan status barunya itu.

"Sungguhpun pengangkutan udara dikawal dengan baik, tetapi sesetengah pengusaha bot tempatan belum begitu memuaskan, khusus bagi perkhidmatan seperti "sea shuttle" dan teksi.

"Perkhidmatan feri juga mempunyai kekosongan dan masih boleh diisi bagi meningkatkan kekerapan jadual perjalanan ke destinasi tertentu di pulau berkenaan," katanya di sini.

Ketika ini, pelancong ke Tioman boleh memilih sama ada menaiki feri di Tanjung Gemok di Rompin atau Mersing, di Johor.

Bagi pengangkutan udara pula, hanya satu syarikat penerbangan, Berjaya Air yang menawarkan perkhidmatan terus dari Kuala Lumpur ke Tioman setiap hari.

Maznah berkata, kerajaan negeri yakin beberapa peluang perniagaan berasaskan pelancongan berpotensi untuk dimajukan di Tioman, termasuk perkhidmatan pemandu pelancong dan agensi pelancongan yang mengendalikan pakej lawatan.

Katanya, perkhidmatan pengangkutan seperti sea bus, sea taxi dan cruise serta jumlah kedai cenderamata di pulau itu juga akan dipertingkatkan.

Maznah berkata, sebagai pulau bebas cukai ketiga diisytiharkan kerajaan, masa depan pulau ini sangat cerah dalam memacu pembangunan ekonomi negeri khususnya dalam industri eko-pelancongan.

Beliau berkata, selain kegiatan sedia ada, pelbagai kegiatan baru berasaskan kekuatan alam semula jadi dan keindahan alam marin Tioman turut mempunyai potensi untuk dibangunkan.

Antara kegiatan itu, termasuk menyelam skuba, merentas hutan dan mendaki bukit batu yang curam yang dianggap produk baru di Tioman, khususnya di Gunung Nenek Semukut.

Pulau Tioman yang mempunyai hampir 3,500 penduduk menggamit purata lebih 200,000 pelancong setiap tahun.

Pengisytiharan Tioman sebagai pulau bebas cukai diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Januari lalu.